Untuk menentukan samada ini merupakan idea yang baik, mereka ingin menganalisis pangkalan data mereka untuk menentukan anggaran bilangan kumpulan pelanggan yang mengunjungi restoran tersebut pada setiap jam. Tugas anda ialah mengaturcarakan satu aturcara komputer yang akan melakukan analisis tersebut dan menghasilkan satu laporan, “Profil Penggunaan Meja” yang merumuskan keputusan analisis tersebut.

Terdapat beberapa jadual pangkalan data dalam sistem pesanan dan akaun Ocean Treasure yang mungkin dapat membantu dalam analisis tersebut.

Setiap kali satu pesanan diambil dari sesebuah meja, pesanan tersebut akan direkodkan ke satu jadual pesanan. Struktur jadual pesanan adalah seperti berikut:

```
create table orders (
     orderNo        integer not null,
     orderDate      date not null,
     orderTime      timestamp not null,
     tableNo        char(4) not null,
     covers         integer not null,
     waiterCode     char(8) not null
);
```

`orders`
: merupakan satu jadual yang mengandungi satu rekod untuk setiap pesanan baru.

`orderNo`
: merupakan satu nombor unik yang mengenalpasti sesuatu pesanan.

`orderDate`
: merupakan tarikh urus niaga bagi pesanan.

`orderTime`
: merupakan masa apabila pesanan diambil.

`tableNo`
: merupakan kod unik yang mengenalpasti meja di mana pesanan diambil.

`covers`
: bagi kumpulan pelanggan yang baru, ia merupakan bilangan pelanggan yang menduduki meja tersebut; bagi pesanan seterusnya yang datang dari kumpulan pelanggan yang sama, nilainya ialah sifar (0).

`waiterCode`
: merupakan kod unik yang mengenalpasti pelayan yang mengambil pesanan tersebut.

Apabila sekumpulan pelanggan membayar bil, bayaran tersebut direkodkan di satu jadual bayaran. Struktur jadual bayaran adalah seperti berikut:

```
create table settlements (
     tableNo        char(4) not null,
     settleDate     date not null,
     settleTime     timestamp not null,
     settleMode     smallint not null,
     billAmount     double precision not null,
     tipAmount      double precision not null,
     refCode        char(32)
);
```

`settlements`
: merupakan satu jadual yang mengandungi satu rekod untuk setiap bayaran yang dibuat.

`tableNo`
: merupakan kod yang berada dalam domain yang sama dengan orders.tableNo yang mengenalpasti meja di mana pelanggan duduk.

`settleDate`
: merupakan tarikh urus niaga bagi bayaran tersebut.

`settleTime`
: merupakan masa apabila bayaran dibuat.

`settleMode`
: merupakan kod yang mengenalpasti cara bayaran dibuat. 0 bermaksud tunai, 1 bermaksud Visa, 2 bermaksud Mastercard dan sebagainya.

`billAmount`
: merupakan jumlah amaun bagi bil yang dibayar.

`tipAmount`
: merupakan amaun tip yang diberi oleh pelanggan.

`refCode`
: merupakan kod rujukan, yang mempunyai makna yang berbeza bergantung kepada cara bayaran. Jika cara bayaran melibatkan kad kredit, ia merupakan nombor rujukan yang dicetak pada slip kredit kad.

Restoran Ocean Treasure dibuka pada kira-kira 11 pagi, dan tutup di antara 2 hingga 3 pagi pada keesokan hari, bergantung kepada keperluan pelanggan. Sesi perniagaan tersebut yang berada di antara 11 pagi hingga 2 pagi keesokan hari dirujuk sebagai satu hari urus niaga. Restoran Ocean Treasure mengira activiti urus niaganya dalam hari urus niaga dan bukan hari sebenar.

Pengurus Restoran Ocean Treasure ingin menjanakan satu laporan seperti dalam Figure 13.

```
01-09-08 19:49      TABLE LOAD PROFILE              PAGE   1
                  for MON, TUE, WED, THU
              between 01-01-08 and 30-06-08

Hourly                Peak Concurrently Open Tables
Segment             1-2       3-4       5-6    7-or-more
                  Avg Max   Avg Max   Avg Max   Avg Max
11:00 to 11:59      1   3     0   2     0   3     0   1
12:00 to 12:59      4  10     1   5     2   7     0   3
13:00 to 13:59     12  22     5  12     5  10     0   3
14:00 to 14:59     13  23     5  13     5  12     1   4
15:00 to 15:59      9  16     3   8     4  11     0   4
16:00 to 16:59      4  10     1   4     1   5     0   3
17:00 to 17:59      3   9     1   5     1   5     0   2
18:00 to 18:59      7  14     3   8     3  10     0   3
19:00 to 19:59     18  29    16  28    16  30     2   7
20:00 to 20:59     26  39    24  37    24  36     4  11
21:00 to 21:59     27  39    23  34    26  38     5  11
22:00 to 22:59     21  33    18  32    23  34     4  11
23:00 to 23:59     14  25    11  22    15  26     2   7
00:00 to 00:59      9  17    10  20    11  19     1   3
01:00 to 01:59      6  17     9  20     9  17     0   2
02:00 to 02:59      1   7     4  11     4  10     0   2
03:00 to 03:59      0   2     0   5     0   6     0   1
```

Figure 13 – Contoh Profail Penggunaan Meja

Pengurus tersebut ingin menjana laporan tersebut untuk tempoh tertentu, yang dikenalpasti dengan menggunakan tarikh urus niaga dan juga hari minggu. Contohnya, beliau ingin menjana laporan tersebut untuk Hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis di antara 1 Januari 2008 hingga 30 Jun 2008.

Laporan tersebut harus dijana melalui antara muka perintah seperti dalam Figure 14 di bawah:

```
TableLoad –D 01-01-08 30-06-08 –W MON TUE WED THU
```

Figure 14 – Contoh antara muka perintah

Secara khususnya, aturcara laporan tersebut mesti menerima antara muka perintah dengan sintaks yang didefinasikan dalam Figure 15. Tarikh-dari dan tarikh-hingga adalah terangkum. Contohnya, jika tempoh laporan diberi sebagai ‘–D 01-01-08 30-06-08’, maka laporan tersebut mesti merangkumi data bagi 1 Januari 2008 dan 30 Jun 2008.

Tempoh laporan, dikenalpasti sebagai ‘-D’ adalah parameter wajib. Aturcara laporan tersebut harus menolak permintaan yang tidak mengandungi tempoh laporan.

Hari didalam minggu yang dikenalpasti dengan ‘-W’ adalah parameter pilihan. Jika parameter ‘-W’ tidak diberikan, aturcara laporan tersebut harus menjana Profail Penggunaan Meja bagi semua hari minggu.

```
command_line   : "TableLoad" option_list
               ;
option_list    : option_list option
               | /*empty*/
               ;
option         : "–D" from_date to_date
               | "–W" day_list
               ;
day_list       : day_list day
               | day
               ;
day            : "MON" | "TUE" | "WED" | "THU" | "FRI"
               | "SAT" | "SUN"
               ;
```

Where:

`command_line`
: merupakan perintah yang dihantar oleh pengguna.

`from_date`
: merupakan tarikh-dari bagi laporan tersebut dalam format DD-MM-YY.

`to_date`
: merupakan tarikh-hingga bagi laporan tersebut dalam format DD-MM-YY.

Figure 15 – Sintaks Antara muka perintah

Profail Penggunaan Meja mesti memaparkan maklumat berikut:

1. Tarikh dan masa laporan tersebut dijanakan;
2. Kod (‘MON’, ‘TUE’, dan sebagainya) bagi hari minggu yang terpilih atau frasa ‘for all days’ jika semua hari minggu terpilih;
3. tarikh-dari dan tarikh-hingga;
4. bagi setiap jam segmen:
    a. bagi setiap saiz kumpulan segmen (iaitu 1 hingga 2 pelanggan, 3 hingga 4 pelanggan, 5 hingga 6 pelanggan dan lebih 7 pelanggan):
        i. muatan puncak purata,
        ii. muatan puncak maximum.

Muatan puncak bagi sesuatu jam segmen pada sesuatu hari urus niaga ialah bilangan maximum meja yang dibuka sejajar pada jam segmen tersebut. Contohnya, jika satu kumpulan pelanggan tiba pada 12:40 (seperti yang direkodkan dalam jadual pesanan) dan meninggal pada 13:20 (seperti yang direkodkan dalam jadual bayaran) dan satu

kumpulan pelanggan lagi tiba pada 13:30 dan meninggal pada 14:50, maka muatan puncak di antara 13:00 hingga 13:59 ialah 1 kumpulan, tetapi jika kumpulan kedua tiba pada 13:10 dan bukan 13:30, maka muatan puncak ialah 2 kumpulan.

Purata muatan puncak dikira sebagai jumlah muatan puncak bagi setiap hari urus niaga yang terpilih oleh pengguna dibahagi dengan bilangan hari urus niaga.

Muatan puncak maksimum ialah muatan puncak yang tertinggi di antara semua hari urus niaga yang terpilih oleh pengguna.

Semua tarikh harus diinput dan dipaparkan dalam format DD-MM-YY.

Profail Penggunaan Meja tersebut harus dipaparkan seperti dalam Figure 16.

```
         1         2         3         4         5         6
1...5....0....5....0....5....0....5....0....5....0....5....0
DD-MM-YY HH:MM      TABLE LOAD PROFILE              PAGE X-X
                     for X-X, X-X, X-X
               between XX-XX-XX and XX-XX-XX


Hourly                 Peak Concurrently Open Tables
Segment              1-2       3-4       5-6    7-or-more
                   Avg Max   Avg Max   Avg Max   Avg Max
11:00 to 11:59     X-X X-X   X-X X-X   X-X X-X   X-X X-X
12:00 to 12:59     X-X X-X   X-X X-X   X-X X-X   X-X X-X
13:00 to 13:59     X-X X-X   X-X X-X   X-X X-X   X-X X-X
  :        :        :   :     :   :     :   :     :   :
  :        :        :   :     :   :     :   :     :   :
```

Figure 16 – Paparan Profail Penggunaan Meja

Pengaturcara yang mengaturcara dalam C atau C++ boleh menggunakan fungsi-fungsi penukaran tarikh dalam Figure 17. Pengaturcara Java dan C-sharp boleh menggunakan fungsi-fungsi penukaran tarikh yang terkandung dalam perpustakaan Java dan C-sharp.

```
#include "dtime.h"
                        // Include declarations of double time
                        // functions.
typedef double Dtime_t;
                        // Double time data type.  Dates and times are
                        // stored in seconds since 00:00 on
                        // 1 January 1970.  Dates are stored as seconds
                        // since 00:00 on 1 January 1970 until 00:00 on
                        // the stored date.
static const Dtime_t NULL_DTIME = -(65536.0*65536.0*65536.0*65536.0);
                        // Reserved double time value (before the big
                        // bang) used to represent an invalid time.
Dtime_t PackDtime (int yr, int mo, int dy, int hr, int mi, int se);
                        // Pack a double time value from its
                        // components.  yr is a 4-digit year (e.g.
                        // 2008).  mo is the calendar month number
                        // (e.g. 1 for January).  dy is the day of the
                        // month (e.g. 1 for the first of the month).
                        // hr, mi and se are the hour, minute and
                        // second components of a 24-hour clock.
                        // PackDtime returns NULL_DTIME if the
                        // components do not represent a valid date
                        // and time.
void UnpackDtime (Dtime_t dtime, int *yr, int *mo, int *dy,
      int *hr, int *mi, int *se);
                        // Unpack a double time value into its
                        // components.
Dtime_t DtimeFromSql (const char *sqlTime);
                        // Convert an SQL date or timestamp string into
                        // double time format.  DtimeFromSql returns
                        // NULL_DTIME if the SQL date or timestamp
                        // string is invalid.
char *SqlDateFromDtime (char *sqlDate, Dtime_t dtime);
                        // Load an SQL date string from a double time
                        // value.  SqlDateFromDtime returns sqlDate.
char *SqlTimestampFromDtime (char *sqlTimestamp, Dtime_t dtime);
                        // Load an SQL timestamp string from a double
                        // time value.  SqlTimestampFromDtime returns
                        // sqlTimestamp.
Dtime_t DtimeFromUserDate (const char *userDate);
                        // Convert a user date in DD-MM-YY format into
                        // the double time format.
char *UserDateFromDtime (char *userDate, Dtime_t dtime);
                        // Convert the date components of a double time
                        // value into a user date string in DD-MM-YY
                        // format. UserDateFromDtime returns userDate.
char *UserTimeFromDtime (char *userTime, Dtime_t dtime);
                        // Convert the time components of a double time
                        // value into a user time string in HH:MM:SS
                        // format. UserTimeFromDtime returns userTime.
```

Figure 17 – Fungsi-fungsi tarikh dan masa

2 PAPARAN STATUS PENGHANTAR

Cash-in-a-Flash merupakan sebuah perniagaan penukaran mata wang yang beroperasi dengan sepasukan penghantar yang mengutip dan menghantar mata wang tempatan dan asing daripada pelanggan. Terdapat beberapa insiden di mana penghantar telah dirompak lalu mengakibatkan kelewatan yang panjang sebelum pihak pengurusan mendapati mengenalpasti isu tersebut. Pihak pengurusan Cash-in-a-Flash mengambil keputusan untuk memasang satu sistem komputer untuk mengawasi gerakan penghantar agar situasi sebegini dapat dilaporkan dengan lebih cepat.

Ideanya ialah apabila seseorang pelanggan menelefon dengan satu permintaan, operator telefon akan memasukkan permintaan tersebut ke dalam sistem komputer.

Sistem komputer tersebut kemudiannya akan memaparkan permintaan tersebut pada satu Paparan Status Penghantar dinamik. Pengurus penghantar akan melihat permintaan pada Paparan Status Penghantar dan memperuntukkan seorang penghantar. Apabila penghantar tersebut meninggalkan pejabat Cash-in-a-Flash, pengurus penghantar akan memilih permintaan tersebut pada Paparan Status Penghantar, yang akan memaparkan petak dialog untuk menerima id penghantar bagi penghantar tersebut. Apabila input itu dihantar, sistem komputer tersebut akan menukar warna permintaan itu untuk menunjukkan bahawa penghantar telah dihantar.

Apabila penghantar tiba di premis pelanggan dan menukar mata wang, penghantar tersebut akan mengemaskini melalui satu terminal mudah-alih, yang akan menghantar isyarat kepada sistem komputer supaya menukar warna permintaan untuk menunjukkan bahawa penghantar telah melakukan penukaran mata wang.

Apabila penghantar tersebut kembali ke pejabat Cash-in-a-Flash, pengurus penghantar akan menggunakan Paparan Status Pengguna untuk memberi isyarat bahawa wang yang diterima telah dikembalikan. Operasi terakhir ini akan menggugurkan permintaan tersebut daripada Paparan Status Penghantar.

Jika penghantar tersebut lewat, sama ada untuk penukaran wang atau kembali ke pejabat, sistem komputer tersebut akan menukar warna permintaan ke merah untuk mengingatkan pengurus penghantar bahawa terdapat masalah dengan permintaan tersebut.

Cadangan yang dikemukakan ialah sistem komputer tersebut merupakan sistem klien-pelayan yang menggunakan HTTP untuk berkomunikasi di antara klien dan pelayan. Tugas anda ialah mengaturcara modul klien tersebut yang memaparkan Paparan Status Penghantar.

Paparan Status Penghantar harus diatur seperti dalam Figure 18.

Modul klien mencapai data yang akan dipaparkan pada paparan dengan menghantar URL seperti di bawah kepada pelayan:

http://cashinaflash.com/RunnerStatusData

Pelayan tersebut membalas dengan menghantar satu fail seperti dalam Figure 19 kepada klien dalam respon HTTP.

Runner Status Display					
Address	Amount	Runner	Request	Dispatch	Change
54 Jalan Damar Minyak	3000	18	10:12	10:23	10:47
27 Jalan Robson	1500	27	10:32	10:45	
7 Jalan Mesra	1200		10:37		
38 Jalan Bukit Ceylon	1800		10:49		

Figure 18 – Aturan Paparan Status Penghantar

```
1889297
7787<t>2<t>0<t>54 Jalan Damar Minyak<t>3000<t>18<t>10:12<t>10:23<t>10:47
7788<t>1<t>0<t>27 Jalan Robson<t>1500<t>27<t>10:32<t>10:45<t>
7789<t>0<t>1<t>7 Jalan Mesra<t>1200<t><t>10:37<t><t>
```

Figure 19 – Format Data Status Penghantar

Baris pertama data status penghantar yang dikembalikan dalam respon mengandungi satu nombor siri yang mengenalpasti versi data status penghantar tersebut. Setiap kali data status penghantar berubah, pelayan menambah nombor siri tersebut.

Baris kedua dan baris berikutnya mengandungi data bagi setiap permintaan yang belum digugur. Setiap baris mempunyai 7 komponen data, setiapnya dipisah oleh satu aksara tab (kod ASCII 9, diwakili oleh ‘<t>’ dalam contoh). Komponen-komponen data tersebut ialah:

1. nombor permintaan;
2. kod status permintaan;
3. kod status lewat;
4. alamat;
5. amaun transaksi;
6. id penghantar;
7. masa permintaan;
8. masa menghantar;
9. masa menukar.

Id penghantar, masa menghantar dan masa menukar boleh dikosongkan jika situasi yang memuatkan nilai tersebut belum lagi berlaku.

Permintaan dan kod status lewat dihuraikan dalam Table 2. Modul klien tersebut mesti memaparkan permintaan dalam warna bersepadan dengan perkembangan permintaan dan kod status lewat.

Apabila modul klien dimulakan, ia mesti menghantar satu permintaan RunnerStatusData kepada pelayan untuk mencapai keadaan awal Paparan Status Penghantar.

Setelah modul klien berjaya mencapai keadaan awal Paparan Status Penghantar tersebut, ia mesti menghantar permintaan HTTP seperti berikut untuk mendapat kemaskini kepada paparan itu:

http://cashinaflash.com/RunnerStatusData?fromSerNo=1889297

Di mana 1889297 merupakan nombor siri dalam fail data status penghantar terakhir yang diterima oleh modul klien.

Table 2 – Permintaan dan Kod Status Lewat

Request Status Code	Overdue Status Code	Meaning	Colour Components		
			Red	Green	Blue
0	0	Requested	255	204	153
1	0	Dispatched	0	204	255
2	0	Money changed	255	255	0
As above	1	Overdue	255	0	0

Apabila pelayan menerima satu permintaan dengan satu parameter fromSerNo, ia akan membanding nombor siri dalam permintaan tersebut dengan nombor siri terakhir. Jika nombor siri dalam permintaan adalah lebih besar atau bersamaan dengan nombor siri terakhir, pelayan tidak akan memberi respon dengan serta merta, tetapi akan menangguh permintaan tersebut sehingga ia memproses permintaan lain yang mengemaskini data status penghantar. Apabila permintaan lain mengemaskini data status penghantar, pelayan menokok nombor siri terakhir dan kemudian menghantar satu respon yang mengandungi nombor siri terakhir kepada klien asal. Jika nombor siri dalam permintaan adalah kurang daripada nombor siri terakhir, pelayan memberi respon serta-merta dalam cara yang sama apabila ia bertindak kepada permintaan tanpa parameter ‘fromSerNo=’.

Modul klien mesti mengemaskini Paparan Status Penghantar dengan melaksanakan kitar berikut:

1. Hantar satu permintaan RunnerStatusData tanpa sebarang parameter kepada pelayan.
2. Menerima dan memaparkan data status penghantar awal.
3. Ulang:
    a. Hantar kepada pelayan satu permintaan RunnerStatusData dengan parameter ‘fromSerNo=’ yang mengandungi nombor siri terakhir yang diterima dari pelayan.
    b. Terima dan memaparkan data status penghantar terkini.

Ini bermaksud keadaan normal bagi untai modul klien yang mengemaskini Paparan Status Penghantar ialah menunggu untuk menerima fail data status penghantar daripada pelayan.

Sejajar dengan menerima kemaskini data status penghantar daripada pelayan, modul klien mesti juga mengawasi tetikus. Jika pengguna klik pada satu permintaan yang mempunyai status 0 (Requested), modul klien mesti memaparkan satu kotak dialog seperti dalam Figure 20.

Jika pengguna tersebut menginputkan satu id penghantar dan klik butang OK, modul klien mesti menghantar permintaan HTTP berikut kepada pelayan:

http://cashinaflash.com/Dispatch?reqNo=7789&runId=12

Di mana '7789' merupakan nombor permintaan yang dipilih oleh klik tetikus dan '12' ialah id penghantar yang diinput oleh pengguna tersebut.



Figure 20 – Kotak Dialog Menghantar Penghantar

Jika pelayan menerima permintaan penghantaran (Dispatch) tersebut, ia akan mengembalikan satu respon kosong. Jika pelayan menolak permintaan penghantaran tersebut, ia akan mengembalikan satu respon HTTP yang mengandungi satu kod status yang mewakili satu kesilapan klien.

Jika pengguna klik pada butang cancel, modul klien tersebut mesti menutup kotak dialog tersebut dan kembali kepada keadaan leka.

Jika pengguna klik pada satu baris permintaan yang mempunyai status 2 (money changed), modul klien mesti memaparkan satu kotak dialog seperti dalam Figure 21.



Figure 21 – Kotak Dialog Pengembalian Penghantar

Jika pengguna klik pada butang OK, modul klien mesti menghantar permintaan HTTP berikut kepada pelayan:

http://cashinaflash.com/Return?reqNo=7789

Di mana ‘7789’ merupakan nombor permintaan yang dipilih melalui klik tetikus.

Jika pelayan menerima permintaan pengembalian (Return) tersebut, ia akan mengembalikan satu respon kosong. Jika pelayan menolak permintaan pengembalian tersebut, ia akan mengembalikan satu respon HTTP yang mengandungi satu kod status yang mewakili satu kesilapan klien.

Jika pengguna klik pada butang cancel, modul klien tersebut mesti menutup kotak dialog tersebut dan kembali kepada keadaan leka.

Modul klien boleh dihadkan kepada 12 permintaan sejajar, supaya semua permintaan boleh dipaparkan pada skrin pada masa yang sama tanpa penatalan.

3 BLOK INPUT DENOMINASI DAN KUANTITI

Satu aplikasi bank memerlukan penghuraian wang kertas kepada berbagai denominasi dan dimasukkan ke beberapa skrin input data yang berbeza. Contohnya, penghuraian denominasi perlu dimasukkan ke skrin input data pemindahan wang bagi merekodkan huraian wang kertas yang perlu dipindah di antara satu juruwang dengan yang lain. Penghuraian denominasi juga perlu dimasukkan ke skrin input penutupan juruwang bagi merekodkan huraian wang kertas pada sesuatu stesen juruwang apabila stesen tersebut ditutup.

Dalam semua kes, skrin input untuk menerima huraian denominasi daripada pengguna mesti diaturkan seperti dalam Figure 22.

Denomination	Quantity	Value
100	26	2600
50	87	4350
10	96	960
5	17	85
1	145	145
Total		8140

Figure 22 – Blok Huraian Denominasi

Apabila pengguna memasukkan satu nilai ke dalam kotak kuantiti, aplikasi tersebut mesti mengemaskini kotak nilai dan kotak jumlah yang terletak di bawah secara automatik

Aturan bagi skrin pemindahan wang adalah seperti dalam Figure 23.

Walaupun blok huraian denominasi akan digunakan dalam beberapa skrin input data, ia tidak boleh merupakan skrin input atau kotak dialog yang berasingan. Dalam skrin input pemindahan wang, pengguna mesti dibenarkan untuk menggunakan kunci ‘tab’ untuk menggerakkan input dari ‘from-teller’ ke ‘to-teller’ dan kemudian dari ‘to-teller’ ke kuantiti wang kertas $100 dan kemudian ke kuantiti wang kertas $50 dan sebagainya.

Untuk mengelakkan pengulangan, ketua jurutera perisian berhasrat membina satu modul program yang menguruskan satu blok huraian denominasi dan aplikasi seperti skrin input data pemindahan wang akan menggunakan modul program tersebut untuk membina dan menguruskan blok huraian denominasi dalam skrin data input individu. Tugas anda ialah untuk mereka dan mengaturcara modul program tersebut yang membina dan mengurus blok huraian denominasi dan seterusnya membina satu prototaip pemindahan wang yang menunjukkan penggunaan modul huraian denominasi yang telah direka dan diaturcara.



Figure 23 – Skrin Input Pemindahan Wang

Modul huraian denominasi tersebut mesti memaparkan teks statik dalam blok huraian denominasi dan membina kotak kuantiti dan kotak nilai untuk paparan sahaja. Ia mesti memproses input dalam kotak kuantiti dan mengemaskini kotak nilai dan jumlah secara automatik apabila nilai diinputkan ke kotak-kotak kuantiti. Ia mesti direka sedemikian supaya boleh digunakan oleh berbagai aplikasi.

Modul huraian denominasi tersebut mesti membekalkan cara supaya aplikasi boleh mencapai satu tatasusunan tuplet denominasi/kuantiti yang mengandungi denominasi dengan kuantiti bukan sifar.

Jika pengguna tersebut klik butang OK pada skrin input data bagi prototaip pemindahan wang, aturcara mesti mencatatkan nilai yang diinput pada satu output yang boleh dilihat oleh pengguna. Jika anda mengaturcara dalam Java, aturcara tersebut boleh mencatat nilai-nilai ke System.out melalui contohnya System.out.println. Jika bahasa pengaturcaraan yang digunakan tidak mempunyai cara yang sepadan dengan System.out dalam Java, aturcara tersebut boleh mencatat nilai-nilai ke satu fail.

Jika pengguna tersebut klik butang Cancel, aturcara skrin input data tersebut harus ditamatkan.

4 PENYAHKOD DATA

Satu aliran data yang berhubung melalui penyambungan bersiri mengandungi data blok dalam format seperti dalam Figure 24.

Length byte 1	Length byte 2	Data bytes

Figure 24 – Format Blok Aliran Data

Dua bait pertama mengandungi bilangan bait data dalam blok. Bait pertama mengandungi 8 bit tertib tinggi dan bait kedua mengandungi 8 bit tertib rendah.

Setiap blok data, kecuali yang terakhir, mengandungi tepat 1022 bait data. Blok terakhir mengandungi antara 0 hingga 1021 bait data. Blok data terakhir menandakan penamatan aliran data.

Tugas anda ialah mengaturcara satu fungsi yang membolehkan satu aplikasi untuk membaca secara wenang sebilangan bait daripada aliran input tanpa memerlukan pengaturan tentang halangan aras rendah.

> Jika anda mengaturcara dalam C atau C++, fungsi anda mesti mempunyai antaramuka aplikasi seperti berikut:
>
> ```
> int SerialRead (void *buf, int len);
> ```
>
> `buf`
>
> merupakan satu penuding kepada satu penimbal yang akan dimuatkan dengan data yang diterima.
>
> `len`
>
> merupakan bilangan bait yang akan dimuatkan ke penimbal.

`return value`

merupakan bilangan bait yang sebenarnya dimuatkan ke dalam penimbal.

Jika anda mengaturcara dalam C atau C++, anda boleh menggunakan fungsi berikut untuk menerima data dari antaramuka bersiri:

```
int SerialRecv (void *buf, int len);
```

`buf`

merupakan satu penuding kepada satu penimbal yang akan dimuatkan dengan data yang diterima.

`len`

merupakan bilangan bait yang akan diterima.

`return value`

merupakan bilangan bait yang sebenarnya diterima.

Jika anda mengaturcara dalam Java, fungsi anda mesti mempunyai antaramuka aplikasi seperti berikut:

```
public class SerialReader {
     // ...
     public static byte[] serialRead (int len);
     // ...
}
```

`len`

merupakan bilangan bait yang akan dikembalikan.

`return value`

merupakan satu tatasusunan bait yang mengandungi bait yang diterima dari aliran input.

Jika anda mengaturcara dalam Java, fungsi anda boleh menggunakan fungsi berikut untuk menerima data dari antaramuka bersiri:

```
public class SerialReceiver {
     // ...
     public static byte[] serialRecv (int len);
     // ...
}
```

`len`

merupakan bilangan bait yang akan diterima.

`return value`

merupakan satu tatasusunan bait yang mengandungi bait yang diterima dari penyambung bersiri.

Jika parameter ‘len’ yang dihantar kepada SerialRead kurang atau bersamaan sifar, SerialRead mesti mengembalikan sifar tanpa membaca sebarang data.

Jika parameter ‘len’ lebih besar daripada sifar, tetapi terdapat lebih daripada ‘len’ bait data tertinggal dalam aliran input, SerialRead mesti mengembalikan tepat ‘len’ bait data.

Jika parameter ‘len’ lebih besar daripada sifar, dan terdapat kurang daripada ‘len’ bait data tertinggal dalam aliran input, SerialRead mesti mengembalikan bilangan bait data tertinggal dalam aliran input.

Panggilan berulang kepada SerialRead apabila tiada bait data tertinggal dalam aliran input mesti mengembalikan sifar.

Fungsi SerialRecv boleh mengembalikan antara 1 dan ‘len’ bait data. SerialRecv yang mengembalikan kurang daripada ‘len’ bait data tidak membawa sebarang makna. Jika SerialRecv dipanggil dan terdapat bait data dalam lingkaran pemanpan input, SerialRecv mengembalikan bait data dalam lingkaran pemanpan input tanpa menunggu. Jika lingkaran pemanpan input tersebut adalah kosong, SerialRecv menunggu sehingga satu atau lebih bait data dimuatkan ke dalam lingkaran pemanpan input dan kemudian mengembalikan bait data tersebut kepada pemanggilnya.

Fungsi SerialRead boleh menggunakan ingatan statik untuk menyimpan data di antara setiap panggilan yang berjaya. Ia tidak perlu dijadikan selamat dalam operasi berbilang ulir.

Untuk keberkesanan yang optimal, SerialRead harus membaca data dari SerialRecv dalam blok 16 aksara.